

Implementasi Dasar Sosial dan Impak kepada Komuniti: Kajian Perbandingan di Malaysia dan Indonesia

Implementation and Impact of Social Policy toward Community: Comparative Study in Malaysia and Indonesia

MOHAMAD ZAHIR ZAINUDIN, ROZIAH OMAR & MOHD FAUZI KAMARUDIN

ABSTRAK

Pembangunan sosial merupakan sebahagian daripada penyumbang kepada kemajuan negara. Kerangka pembangunan ekonomi yang mendasari kemajuan negara-negara dunia lebih lima dekad yang lalu semakin diselaraskan dengan kerangka pembangunan sosial kerana implikasi yang besar ke atas pembangunan manusia dan alam sekitar. Kajian ini ingin melihat bagaimana dasar sosial dilaksanakan di kedua-dua buah negara dan sejauh mana pelaksanaannya memberi impak kepada komuniti setempat. Kaedah kuantitatif dan kualitatif digunakan secara bersama untuk mendapatkan hasil yang lebih jelas dalam pelaksanaan dasar sosial. Data kajian dikumpulkan melalui set borang soal selidik, rujukan dan perbincangan dengan kumpulan pakar, perbincangan kumpulan berfokus dan pemerhatian langsung. Penekanan ke atas pembangunan sosial yang bermula sekitar tahun 1980-an telah dilihat penting demi kelestarian dan kemajuan sesebuah negara. Bentuk dan corak pentadbiran di Malaysia dan Indonesia mempengaruhi pembangunan sosial kedua-dua buah negara. Situasi sosial jauh berbeza berdasarkan jumlah penduduk, perubahan-perubahan yang berlaku dan trend dalam sejarah pembangunan negara. Perbezaan ini wujud disebabkan usaha-usaha pembasmian kemiskinan yang dilakukan oleh kedua-dua buah negara bergerak pada kadar yang tidak sekata. Pembentukan dasar sosial menjadi bertambah penting untuk mengurus komuniti yang semakin berkembang dan kompleks. Dalam melaksanakan perancangan pembangunan sosial, persekitaran semula jadi dalam hubungan di antara pelaksana dasar dan kumpulan sasaran adalah sama penting dengan kandungan dasar. Impak dasar sosial dalam pendidikan, kesihatan dan kerjaya, kerap kali bergantung kepada aktiviti yang terlibat dalam kalangan individu dan komuniti. Memberi tumpuan kepada hubungan dan interaksi ini dapat meningkatkan kefahaman impak dasar sosial dalam kalangan komuniti di Malaysia dan Indonesia.

Kata kunci: Dasar sosial, pembangunan sosial, impak kepada komuniti

ABSTRACT

Social development is one of the contribution factors to the country's progress. Over the past five decades, economic development framework underlying the progress of the world had increasingly aligned with the social development framework following huge implications on human development and the environment. This study is about how social policies are implemented in both countries and their impacts to the local communities. Quantitative and qualitative methods are used together to get a clear result in the implementation of social policy. Data was collected through a set of questionnaires, references and discussions with expert groups, focus groups and direct observation. The emphasis on social development that began around the 1980's was seen as vital for the sustainability and progress of a country. The patterns of governance in Malaysia and Indonesia affect social development of both countries. Social situations are differ based on the total population, the changes and trends in the history of development of the country. This difference exists because poverty eradication efforts made by both countries to move on uneven stage. Thus, social policy development is becoming increasingly important to manage a growing complex community. In planning social development, the relationship between policy implementers and target groups are important as the policy content itself. Impact of social policies in education, health and career, often depending on the activities involved in individuals and communities. Focuses on the relationship and interaction can enhance the understanding of social policy impact among communities in Malaysia and Indonesia.

Keywords: Social policy, social development, impact on the community,

PENGENALAN

Pengalaman pembangunan menunjukkan terdapat perdebatan dalam peranan kerajaan bagi membangunkan masyarakat dan negara. Dalam kerangka pemikiran moden, perubahan itu adalah

“pemodenan” berdasarkan kerangka pemikiran yang menjadi asas kepada definisi pemodenan tersebut. Semua ini adalah pelbagai sudut pandangan yang seringkali menegaskan aspek-aspek dari fenomena sosial yang sama tetapi tidak saling meliputi ataupun melengkap (Zainal 2005).

Pembangunan berteraskan ekonomi ini menyaksikan kemunculan negara-negara gergasi ekonomi yang baru seperti Jepun, Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura diikuti Malaysia, Thailand dan Indonesia yang dirujuk sebagai *High Performing Asian Economies (HPAEs)* oleh Bank Dunia iaitu negara-negara yang pesat pembangunan ekonominya (Abdul Rahman 2003; Robert 2004). Kepesatan ini telah menambah baik agihan pendapatan, menurunkan kadar kemiskinan dan merapatkan jurang perbezaan ekonomi. Contoh kejayaan ini ialah sepertimana yang dinikmati oleh Malaysia iaitu pengecilan jurang ketaksamaan ekonomi melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (1971-1990).

Senario pembangunan berubah selepas keruntuhan blok Kesatuan Soviet, berakhirnya era perang Dingin, krisis ekonomi Asia 1997/1998, kemunculan China sebagai kuasa ekonomi baru dunia dan krisis mata wang yang melanda Eropah pada akhir 2011. Perubahan tersebut ialah pandangan pembangunan tidak lagi memberi tumpuan kepada pertumbuhan sahaja malahan bersifat holistik dan seimbang dengan mengutamakan kesejahteraan sejagat seperti pengenalan Matlamat Pembangunan Milenium (*Millenium Development Goals*) pada September 2002 untuk memperkukuh usaha ke arah keamanan, demokrasi, urus tadbir yang baik dan pembasmian kemiskinan secara global.

Pencapaian Malaysia dan Indonesia dalam MDG ini mempengaruhi pembangunan negara masing-masing yang diukur dengan beberapa indikator khususnya *Human Development Report* yang dikeluarkan *United Nations Development Programme (UNDP)*. Laporan Pembangunan Manusia 2013 (*Human Development Report 2013*) menunjukkan indeks pembangunan Indonesia berada pada kedudukan yang ke-121, dan Malaysia ke-64. Berdasarkan laporan ini, Malaysia telah memperlihatkan taraf hidup yang lebih baik khususnya dalam aspek jangka hayat, celik huruf, pendidikan, asas hidup dan kehidupan yang lebih berkualiti. Di sebalik usaha-usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran dan kemiskinan, Indonesia berterusan mencari penyelesaian yang menyeluruh ke atas kedua-dua golongan itu (*Human Development Report UNDP 2013*).

Bentuk dan corak pentadbiran di Malaysia dan Indonesia mempengaruhi pembangunan sosial kedua-dua buah negara. Situasi sosial jauh berbeza berdasarkan jumlah penduduk, perubahan-perubahan yang berlaku dan *trend* dalam sejarah pembangunan

negara (Midgley 1997). Pembangunan sosial kedua-dua negara berbeza disebabkan usaha-usaha pembasmian kemiskinan yang dilakukan oleh kedua-dua buah negara bergerak pada kadar yang tidak sekata.

Di Malaysia, kadar kemiskinan telah menurun sejak merdeka sehingga kini. Pada tahun 1970, kadar kemiskinan ialah 52.4 peratus, 6.8 peratus pada tahun 1997 dan sehingga tahun 2007 masih terdapat 5.1 peratus. Melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) 2006-2010, kerajaan berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 5.7 peratus kepada 2.8 peratus pada tahun 2010 dengan peruntukan sebanyak RM11.52 bilion (Malaysia 2010). Dalam bancian Badan Pusat Statistik (BPS) Indonesia pada 2011, jumlah orang miskin di Indonesia sebanyak 30.02 juta orang atau 12.49 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Indonesia.

PERNYATAAN MASALAH

Terdapat pandangan bahawa dasar sosial dan program-program yang berkaitan dengannya perlu dinilai bagi menentukan sama ada matlamat pelaksanaan dasar tersebut tercapai ataupun tidak. Biarpun ada anggapan yang menyatakan dasar sosial memberi impak positif, anggapan ini kerap kali dikritik oleh banyak pihak (Chatterjee & Vadapalli 2009; Midgley & Livermore 2009; Midgley 2012). Persoalan utama ialah negara-negara miskin tidak berupaya menawarkan perkhidmatan sosial seperti kesihatan dan pendidikan atau skim bantuan kepada rakyat masing-masing disebabkan kekurangan sumber dan penduduk yang tidak menyumbang kepada tenaga kerja produktif. Pada masa yang sama, terdapat anggapan yang diterima umum bahawa melebarkan perlindungan sosial memerlukan kerajaan sendiri menyediakan peruntukan kewangan tambahan untuk membantu rakyat seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) di Malaysia atau Bantuan Langsung Tunai (BLT) di Indonesia. Justeru, kekangan kewangan dilihat menjadi satu faktor utama yang menghalang pengembangan dasar sosial di negara-negara membangun.

Dalam melaksanakan perancangan pembangunan negara, persekitaran semula jadi dalam hubungan di antara pelaksana dasar dan kumpulan sasar adalah sama penting dengan kandungan dasar. Impak dasar sosial dalam pendidikan, kesihatan dan kerjaya, kerap kali bergantung kepada aktiviti yang terlibat

dalam kalangan individu dan komuniti. Memberi tumpuan kepada hubungan dan interaksi ini dapat meningkatkan kefahaman impak dasar sosial dalam kalangan komuniti di Malaysia dan Indonesia.

Komponen utama dalam pelaksanaan dasar sosial ini ialah kebajikan sosial iaitu memenuhi keperluan sosial masyarakat, mengurus masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat dan menyediakan peluang untuk masyarakat memperkasa kesejahteraan hidup mereka. Pemilihan tipologi atau model dasar sosial yang memenuhi keperluan masyarakat akan menjamin kehidupan yang lebih baik.

Persoalan di sini ialah sama ada kumpulan sasar iaitu komuniti menerima sepenuhnya program-program pembangunan sosial yang dilaksanakan ke atas mereka ataupun tidak. Ia menjadi tanda tanya kerana banyak dasar sosial yang diperkenalkan adalah kerana pengaruh dan kempen aktiviti sosial yang mampu melihat perubahan dalam masalah sosial melalui intervensi kerajaan (Midgely & Livermore 2009; Midgley 2012). Permasalahan asas ialah bagaimana agensi kerajaan telah memantau dan menambah baik pelaksanaan dasar sosial yang diimplementasikan itu dan sejauh mana komuniti mendapat impak yang bermanfaat kepada mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini ialah mengkaji pelaksanaan dasar sosial dalam pembangunan komuniti di Malaysia dan Indonesia. Tujuan khusus ialah menjawab persoalan 1) Bagaimana dasar sosial dilaksanakan di Malaysia dan Indonesia? dan 2) Sejauh mana implementasi dasar sosial ini memberi impak kepada pembangunan komuniti di Malaysia dan Indonesia?

SOROTAN KAJIAN

PENGARUH DASAR SOSIAL KE ATAS PEMBANGUNAN KOMUNITI


Pada tahun 1989, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah melantik pakar ekonomi dari Pakistan, Mahmud ul Haq untuk mengetuai proses penyediaan laporan tahunan mengenai pembangunan manusia di negara-negara anggotanya. Setahun selepas itu, laporan yang diusahakan telah siap dan dibentangkan bersama dengan Indeks

Pembangunan Manusia (*Human Development Index*). Inti pati pembangunan manusia yang disediakan itu merupakan pendefinisian semula ke atas konsep pembangunan yang hanya melihat dari aspek pertumbuhan ekonomi. Terjemahan semula pembangunan ini merupakan satu kritikan ke atas pendukung teori-teori pembangunan (Rajah 1) sebelum ini yang cenderung melihat perkaitan ekonomi dalam pembangunan. Hampir semua teori ini meletakkan polisi ke atas ekonomi (pasaran bebas) sebagai fokus. Kritikan demi kritikan yang menyanggah kehebatan teori-teori tersebut sentiasa menjadi isu dan perdebatan.

Idea pembangunan manusia yang diutarakan oleh Mahbub (1995) menyatakan pembangunan mesti berasaskan empat prinsip utama iaitu kesaksamaan, kelestarian, produktiviti dan pengupayaan. Melalui paradigma yang baru ini, fokus telah diberikan ke atas subjek utama iaitu manusia sebagai aktor dan matlamat dalam pembangunan. Pengupayaan manusia ini merupakan produk daripada proses interaksi antara agensi pelaksana di peringkat mikro dengan struktur di peringkat makro (Abdul Rahman 2003). Pengupayaan atau pemerksaan boleh berlaku melalui peningkatan keupayaan dan kecekapan pada individu yang boleh dilakukan melalui pewujudan pelbagai agensi dan institusi pelaksana di peringkat makro yang terurus dan terancang dalam menyediakan pelaburan yang mencukupi khususnya pendidikan, kesihatan dan kemudahan infrastruktur ke arah kehidupan yang lebih baik.

PERSAMAAN DAN PERBEZAAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN MALAYSIA DAN INDONESIA SERTA IMPAK KE ATAS KOMUNITI

Program pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia telah mula menjadi perhatian pengkaji sosial di kedua-dua buah negara. Sugandi (2007) umpamanya telah melakukan kajian ke atas pelaksanaan program pembasmian kemiskinan di Kuala Lumpur dan Bandung untuk mengetahui bagaimana pembasmian kemiskinan dilakukan di kedua-dua tempat. Kajian ini mendapati fokus pembasmian kemiskinan di Kuala Lumpur ialah isi rumah setinggan untuk mencapai matlamat setinggan sifar manakala di Bandung, fokus diberikan kepada peningkatan modal bisnes melalui kelompok-kelompok usahawan.



RAJAH 1. Teori dan polisi dalam pengajian pembangunan
 Sumber: Abdul Rahman 2003

MALAYSIA

Malaysia dilihat lebih berjaya menguruskan pertumbuhan ekonomi dengan mewujudkan peluang yang lebih luas dalam kalangan kelompok kelas menengah dan dapat keluar daripada perangkap pasca kolonial berbanding Indonesia. Malah Harold Crouch (dalam Drabble 2000) menyifatkan “pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia sejak merdeka telah mentransformasikan struktur kelas. Perubahan ketara ialah perkembangan pesat kelompok kelas menengah bandar dan pengurangan penduduk luar bandar. Usaha-usaha ini telah dipacu oleh Dasar Ekonomi Baru yang mengurangkan jurang pendapatan antara kaum”.

Penghujung pelaksanaan Dasar Ekonomi baru pada tahun 1990, kemiskinan di Malaysia masih tinggi di kawasan luar bandar. Petani dan penoreh getah menjadi kelompok utama berada di bawah paras kemiskinan. Pada masa yang sama perbezaan bandar dan luar bandar masih ketara di mana

penduduk bandar merasai pembangunan ekonomi yang pesat di mana persekitaran bandar dimajukan dengan pusat perniagaan, bangunan tinggi dan nadi pentadbiran kerajaan. Masyarakat miskin di luar bandar dibantu oleh anak-anak yang berhijrah ke bandar dan bekerja dalam pelbagai sektor industri di bandar (Drabble 2000).

Pembangunan sosial di Malaysia mula menyerlah apabila kerajaan memutuskan untuk membuat projek pembinaan jalan raya dan menambah baik komunikasi di kawasan luar bandar, galakan ke sekolah dan menghubungkan komuniti terpinggir melalui sekolah bantuan kerajaan. Kemuncak kepada proses ini ialah kemasukan ke sekolah rendah meningkat 97 peratus di Semenanjung Malaysia dan 217 peratus di Sabah dan Sarawak dari tahun 1960 hingga 1970 (Drabble 2000).

INDONESIA

Ketika era Ekonomi Baru dari tahun 1966 hingga berakhirnya pemerintahan Suharto, Indonesia dilihat kurang menyerlah dalam usaha menambah baik keadaan sosial masyarakat berbanding usaha mengukuhkan ekonomi negara, krisis ekonomi Asia 1997 menyukarkan lagi kemajuan sosial dalam tempoh tersebut. Petroleum yang digunakan sebagai pemangkin kemajuan ekonomi sepanjang Suharto menjadi presiden untuk mencapai matlamat pembangunan (Wie 2002).

Pendidikan merupakan salah satu matlamat pembangunan ini di mana Indonesia berjaya mengembangkan inisiatif pendidikan khususnya di peringkat sekolah rendah. Pertengahan tahun 1980-an mencatatkan negara itu telah hampir berjaya menyediakan pendidikan sekolah rendah, sebahagiannya kerana kejayaan program kawalan kelahiran yang mengurangkan jumlah penduduk (Wie 2002). Program berkenaan dikenali sebagai Perkumpulan Keluarga Berencana Indonesia (PKBI)

yang dikhususkan untuk membantu keluarga dalam perancangan memiliki bilangan anak.

Semasa awal pelancaran program ini, ia melibatkan proses advokasi dan penerangan yang meluas seperti kaunseling perkahwinan, terapi kesuburan dan klinik menjarakkan kelahiran. Aktiviti-aktiviti dalam PKBI disokong oleh individu tempatan dan antarabangsa seterusnya menjadi salah satu instrumen kerajaan Indonesia dalam perancangan penduduk (Sarwono 2003). Walaupun kejayaan dalam menyediakan pendidikan sekolah rendah, usaha-usaha memajukan peringkat sekolah menengah dan ke atas adalah sebaliknya disebabkan kadar pendaftaran persekolahan yang rendah sekitar tahun 1960-an. Pencapaian paling hebat dalam era Suharto ialah kejayaan mengurangkan kadar kemiskinan mutlak. Dari tahun 1976 hingga 1996, dianggarkan kemiskinan mutlak menurun dari 40 peratus kepada 11 peratus (dari 56 juta kepada 23 juta). Bank Dunia menyifatkan Indonesia sebagai negara paling berjaya di dunia dalam membasmi kemiskinan mutlak (Wie 2002).

JADUAL 1. Perbandingan dasar sosial Malaysia dan Indonesia

	Malaysia	Indonesia
Strategi sosial	Perkuat kelas menengah melalui orientasi industrialisasi eksport.	Pembangunan luar bandar yang meluas untuk kurangkan kemiskinan.
Pendidikan	Tingkatkan akses ke sekolah melalui jalan raya dan peralatan komunikasi.	Pendidikan sekolah rendah yang menyeluruh pada tahun 1986.
Demografi	Penduduk luar bandar berhijrah ke bandar untuk mendapatkan pekerjaan dan menambah pendapatan keluarga.	Program kawalan kadar kelahiran yang berjaya mengurangkan pertumbuhan penduduk.
Kesihatan	Klinik desa dibuka di luar bandar untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang lebih baik.	Penambahan bilangan klinik, tambah baik pemakanan dengan memperkenalkan kawalan harga ke atas makanan utama.

Sumber: Wood 2005

Indonesia sangat komited dalam melaksanakan strategi pembangunan luar bandar yang menyasarkan kawasan paling ramai masyarakat miskin hidup dan bekerja khususnya di Jawa. Pada masa yang sama, peningkatan pengeluaran dalam sektor padi memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat yang terlibat dalam pemprosesan, pengangkutan dan perdagangan. Pertumbuhan pesat ekonomi telah menggerakkan sektor pembinaan dan pembuatan yang menyebabkan pendapatan isi rumah meningkat dan mengurangkan kadar kemiskinan. Pembangunan sosial berfungsi sebagai faktor sekunder kepada pembangunan ekonomi keseluruhan Indonesia. Wie (2002) berpendapat kerajaan Indonesia memberi perhatian kepada pembangunan ekonomi diikuti

pembangunan sosial, justeru hasil minyak digunakan secara meluas dalam program pembangunan sosial yang dilaksanakan Suharto seperti pemberian subsidi makanan dan pelbagai program amal yang dikaitkan secara langsung dengan Suharto.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif secara bersama (*combined design*) untuk memperkukuh hasil kajian. Angka dan peratusan yang didapati melalui pendekatan kuantitatif menjadi asas kepada pendekatan kualitatif untuk mengamati dan menghalusi serta menganalisis impak ke atas

komuniti Malaysia dan Indonesia. Pendekatan kualitatif berupaya mengamati dan menganalisis fenomena kelompok sasar melalui peranan informan sebagai pemberi maklumat menyokong hasil dapatan terhadap implementasi dasar sosial ini.

Kajian ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu kaedah tinjauan dan kajian kes. Dalam kaedah tinjauan, soal selidik digunakan sebagai alat ukur untuk mendapatkan data mengenai pelaburan sosial dan pelaburan ekonomi serta impak pelaksanaan dasar sosial ke atas mereka. Dalam kajian kes pula, teknik temu bual dilakukan ke atas informan utama dan analisis dokumen turut digunakan.

SAMPEL KAJIAN

Responden kajian merupakan kelompok miskin yang telah menjalankan perniagaan sama ada dalam jangka masa pendek atau panjang di Melaka dan Johor bagi Malaysia dan Riau bagi Indonesia. Penglibatan mereka dalam perniagaan adalah untuk mengubah keadaan hidup. Responden yang dipilih bagi tujuan kaedah tinjauan telah dipilih menggunakan kaedah pensampelan terpilih (*purposive sampling*) kerana bersesuaian dengan kajian ini iaitu mengetahui impak pelaksanaan dasar sosial kepada komuniti. Di akhir kajian, terdapat 300 individu yang telah memulangkan borang soal selidik iaitu 54.5 peratus daripada 550 individu yang telah dikenal pasti.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mengumpulkan data kuantitatif bagi meninjau implementasi dasar sosial dan impak kepada komuniti. Borang berkenaan telah diedarkan kepada responden di Melaka dan Muar, Johor serta Pekanbaru dan Rumbai di Riau. Soal selidik ini disusun berasaskan kepada *Living Standards Measurement Study (LSMS)* oleh Bank Dunia yang bermatlamat mengenal pasti hasil program-program sosial, mengukur tahap kebajikan, simulasi dasar dan penilaian program. LSMS ini merangkumi soal selidik isi rumah dan komuniti dalam bidang pendidikan, perumahan, pendapatan, kesihatan dan perbelanjaan.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini memberikan tumpuan hanya kepada usahawan dari kelompok berpendapatan rendah

di Melaka dan Johor bagi Malaysia dan Riau bagi Indonesia dengan melihat kepada implementasi dasar sosial oleh kerajaan kedua-dua negara dan impak implementasi tersebut kepada komuniti yang dikaji. Data-data yang diperoleh daripada kajian kes yang dijalankan di Malaysia dan Riau itu hanya menggambarkan transformasi yang berlaku di Melaka, Johor, Pekanbaru dan Rumbai dalam melihat implementasi dasar sosial yang berlaku dalam kelompok sasar dan impaknya kepada komuniti.

Kajian ini turut menggunakan rujukan dan perbincangan dengan kumpulan pakar supaya lebih khusus dan membolehkan pengkaji membentuk angkubah dan indikator bagi membina item soal selidik. Perbincangan kumpulan berfokus bertujuan untuk mendapatkan maklumat tambahan berhubung peranan dan tanggungjawab responden bagi menjayakan dasar sosial. Pemerhatian langsung dipilih kerana kaedah ini membantu penyelidik memahami dan mendapat gambaran ke atas peranan dan aktiviti yang dilaksanakan di kawasan lapangan. Kaedah ini dilakukan dengan cara mengadakan lawatan ke lokasi terpilih bagi melihat pelaksanaan aktiviti sosial.

PENGANALISISAN DATA

Analisis data dibuat dengan menggunakan *SPSS 19.0*. Kaedah-kaedah statistik yang digunakan adalah seperti berikut, 1) kekerapan, peratusan dan purata untuk menerangkan latar belakang responden, 2) kaedah statistik deskriptif seperti kekerapan, purata dan peratusan untuk melihat tahap dan peringkat dalam setiap angkubah yang digunakan, dan 3) data dikelompokkan mengikut aktiviti dan angkubah serta dipersembahkan dalam bentuk jadual.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

HURAIAN TENTANG PROFIL RESPONDEN

Umur Responden

Merujuk pada Jadual 2, soal selidik umur responden Malaysia mendapati terdapat empat orang (2.7 peratus) berumur di bawah 20 tahun, seramai 32 orang (21.3 peratus) berumur antara 21 hingga 30 tahun, seramai 50 orang (33.3 peratus) berumur antara 31 hingga 40 tahun, seramai 48 orang (32.0

peratus) berumur antara 41 hingga 50 tahun dan seramai 16 orang (10.7 peratus) berumur lebih

daripada 51 tahun. Umur responden dalam kajian ini dapat dilihat pada jadual berikut.

JADUAL 2. Umur responden

Umur	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kurang dari 20 tahun	4	2.7	16	10.7
21 - 30 tahun	32	21.3	62	41.3
31 - 40 tahun	50	33.3	35	23.3
41 - 50 tahun	48	32.0	29	19.3
Lebih dari 51 tahun	16	10.7	8	5.4
Jumlah	150	100.0	150	100.0

Bagi responden Indonesia, soal selidik mendapati 16 orang (10.7 peratus) berumur di bawah 20 tahun, 62 orang (41.3 peratus) berumur antara 21 hingga 30 tahun, seramai 35 orang (23.3 peratus) berumur antara 31 hingga 40 tahun, seramai 29 orang (19.3 peratus) berumur antara 41 hingga 50 tahun dan seramai lapan orang (5.4 peratus) berumur lebih daripada 51 tahun.

Etnik Responden

Merujuk kepada Jadual 3, etnik responden Malaysia paling ramai dari kalangan Melayu iaitu 91 orang

(60.7 peratus) diikuti Cina seramai 58 orang (38.7 peratus) dan India hanya seorang atau 0.7 peratus. Manakala bagi responden Indonesia, terdapat lapan etnik yang telah terlibat dalam soal selidik ini. Kelompok etnik yang paling ramai adalah dari kalangan Batak iaitu 43 orang (28.7 peratus) diikuti Minang seramai 34 orang (22.7 peratus), Jawa seramai 31 orang (20.7 peratus) dan Melayu seramai 30 orang (20.0 peratus). Lain-lain etnik ialah Nias seramai enam orang (4.0 peratus), Sunda seramai empat orang (2.7 peratus) dan masing-masing seorang dari etnik Manado dan Bugis (0.7 peratus).

JADUAL 3. Etnik responden

Etnik	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Melayu	91	60.7	30	20.0
Cina	58	38.7	-	-
India	1	0.7	-	-
Batak	-	-	43	28.7
Jawa	-	-	31	20.7
Minang	-	-	34	22.7
Manado	-	-	1	0.7
Nias	-	-	6	4.0
Sunda	-	-	4	2.7
Jumlah	150	100.0	150	100.0

Taraf Pendidikan Responden

Jadual 4 menunjukkan taraf pendidikan yang telah dicapai oleh responden di Malaysia dan Indonesia. Berdasarkan soal selidik, seramai 14 orang (9.3 peratus) responden Malaysia pernah belajar di peringkat sekolah rendah, 114 orang pula (76 peratus) belajar di sekolah menengah, lapan orang lagi (5.3 peratus) belajar di sekolah vokasional atau teknik, seramai enam orang (4 peratus) lagi belajar sehingga ke kolej atau maktab dan tiga orang atau dua peratus belajar di tempat-tempat lain. Data

yang diperoleh menunjukkan hanya lima orang (3.3 peratus) responden yang telah berjaya belajar sehingga ke universiti. Di Indonesia pula, seramai 14 orang (9.3 peratus) pernah belajar di peringkat sekolah rendah, 51 orang pula (34 peratus) belajar di sekolah menengah, 49 orang lagi (32.7 peratus) belajar di sekolah vokasional atau teknik, seramai 16 orang (10.7 peratus) lagi belajar sehingga ke kolej atau maktab dan 19 orang atau 12.7 peratus belajar di universiti. Taraf pendidikan responden dalam kajian ini dapat dilihat dalam jadual berikut.

JADUAL 4. Taraf pendidikan

Pendidikan	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Sekolah Rendah	14	9.3	14	9.3
Sekolah Menengah	114	76.0	51	34.0
Sekolah Vokasional/ Teknik	8	5.3	49	32.7
Kolej/Maktab	6	4.0	16	10.7
Universiti	5	3.3	19	12.7
Lain-lain	3	2.0	1	0.7
Jumlah	150	100.0	150	100.0

Pendapatan Bulanan Responden

Jadual 5 menggambarkan taburan pendapatan responden Malaysia yang menunjukkan seramai lima orang (3.3 peratus) memperoleh kurang daripada RM300 sebulan. Seramai 29 orang (19.3 peratus) pula memperoleh pendapatan bulanan di antara RM301 hingga RM600, diikuti seramai 42 orang (28 peratus) memperoleh RM601 hingga RM900 sebulan. Dalam pada itu seramai 31 orang (20.7 peratus) mendapat pendapatan bulanan di antara RM901 hingga RM1200 dan seramai 43 orang lagi (28.7 peratus) memperoleh pendapatan bulanan mereka lebih daripada RM1201. Hal ini bermaksud setiap responden memiliki pendapatan sendiri sehingga dapat menyusun keperluan hidup secara berdikari sesuai dengan perolehan pendapatan mereka. Jadual di atas juga menggambarkan taburan

JADUAL 5. Pendapatan bulanan

Pendapatan Bulanan	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kurang dari RM300	5	3.3	14	9.3
RM301 - RM600	29	19.3	71	47.3
RM601 - RM900	42	28.0	32	21.3
RM901 - RM1200	31	20.7	11	7.3
Lebih dari RM1201	43	28.7	22	14.7
Jumlah	150	100.0	150	100.0

Simpanan Bulanan Responden

Kebanyakan responden Malaysia iaitu 118 orang (78.7 peratus) menyimpan kurang daripada RM300 sebulan. Simpanan bulanan di antara RM301 hingga RM600 melibatkan 23 orang (15.3 peratus) manakala tujuh orang (4.7 peratus) menyimpan lebih daripada RM1201 sebulan. Hanya dua orang atau 1.3 peratus yang menyimpan pendapatan bulanan mereka dalam lingkungan RM601 hingga RM901.

pendapatan responden Indonesia yang menunjukkan seramai 14 orang (9.3 peratus) memperoleh kurang daripada RM300 sebulan. Seramai 71 orang (47.3 peratus) pula memperoleh pendapatan bulanan di antara RM301 hingga RM600, diikuti seramai 32 orang (21.3 peratus) memperoleh RM601 hingga RM900 sebulan. Dalam pada itu seramai 11 orang (7.3 peratus) mendapat pendapatan bulanan di antara RM901 hingga RM1200 dan seramai 22 orang lagi (14.7 peratus) memperoleh pendapatan bulanan mereka lebih daripada RM1201. Hal ini bermaksud setiap responden memiliki pendapatan sendiri sehingga dapat menyusun keperluan hidup secara berdikari sesuai dengan perolehan pendapatan mereka. Pendapatan bulanan responden dalam kajian ini dapat dilihat pada jadual berikut.

Bagi responden Indonesia, sebanyak 117 orang (78 peratus) menyimpan kurang daripada RM300 sebulan. Simpanan bulanan di antara RM301 hingga RM600 melibatkan 11 orang (7.3 peratus) manakala 12 orang (lapan peratus) menyimpan dalam lingkungan RM601 hingga RM901. Tiga orang atau dua peratus menyimpan di antara RM901 hingga RM1200 manakala tujuh orang (4.7 peratus) menyimpan lebih daripada RM1201 setiap bulan.

JADUAL 6. Jumlah simpanan sebulan

Simpanan Bulanan	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kurang dari RM300	118	78.7	117	78.0
RM301 - RM600	23	15.3	11	7.3
RM601 - RM900	2	1.3	12	8.0
RM901 - RM1200	0	0	3	2.0
Lebih dari RM1201	7	4.7	7	4.7
Jumlah	150	100.0	150	100.0

Penglibatan Responden dalam Persatuan

Jadual 7 menggambarkan kekerapan responden berasaskan penglibatan dalam persatuan di Malaysia iaitu seramai 51 orang (34 peratus) memang terlibat dalam pelbagai jenis persatuan manakala jumlah yang lebih besar iaitu 99 orang (66 peratus) tidak melibatkan diri dalam mana-mana persatuan. Kekerapan

responden Indonesia berasaskan penglibatan dalam persatuan iaitu seramai 39 orang (26 peratus) terlibat dalam persatuan tetapi 111 orang (74 peratus) tidak melibatkan diri. Hal ini menunjukkan masih ramai responden yang enggan melibatkan diri dalam persatuan. Penglibatan responden dalam persatuan adalah seperti jadual berikut.

JADUAL 7. Penglibatan dalam persatuan

Terlibat Dalam Persatuan	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Ya	51	34	39	26.0
Tidak	99	66	111	74.0
Jumlah	150	100.0	150	100.0

Penggerak Komuniti Responden

Dapatan kajian menunjukkan separuh daripada responden di Malaysia iaitu 75 orang (50 peratus) berpendapat penggerak komuniti di tempat mereka adalah kerajaan sendiri, manakala seramai 41 orang (27.3 peratus) berpendapat ia digerakkan oleh pertubuhan bukan kerajaan dan selebihnya 28 orang (18.7 peratus) melihat gerakan komuniti di tempat mereka datangnya dari pihak swasta. Terdapat juga penggerak komuniti ini terdiri daripada individu atau kelompok tertentu yang menjadi pilihan pendirian kepada enam orang responden (4 peratus). Di Indonesia, dapatan kajian menunjukkan lebih separuh daripada responden iaitu 115 orang (76.7 peratus) berpendapat penggerak komuniti di tempat mereka adalah kerajaan sendiri, manakala seramai 31 orang (20.7 peratus) berpendapat ia digerakkan oleh pertubuhan bukan kerajaan dan selebihnya

empat orang (2.7 peratus) melihat gerakan komuniti di tempat mereka datangnya dari pelbagai pihak seperti individu atau kelompok tertentu yang menjadi pilihan.

Dapatan kajian menunjukkan lebih daripada separuh responden Malaysia iaitu 89 orang (59.3 peratus) menyifatkan hidup mereka telah berubah selepas melibatkan diri dan mengambil bahagian dalam aktiviti persatuan berbanding 61 orang (40.7 peratus) yang tidak merasai sebarang perubahan hidup selepas menyertai aktiviti persatuan. Berbeza dengan responden di Indonesia, dapatan kajian menunjukkan lebih daripada separuh iaitu 111 orang (74 peratus) menyifatkan hidup mereka tidak ada perubahan selepas melibatkan diri dan mengambil bahagian dalam aktiviti persatuan berbanding 39 orang (26 peratus) yang melihat perubahan hidup selepas menyertai aktiviti persatuan.

JADUAL 8 Penggerak komuniti

Penggerak Komuniti	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kerajaan	75	50.0	115	76.7
NGO	41	27.3	31	20.7
Swasta	28	18.7	4	2.7
Lain-lain	6	4.0	115	76.7
Jumlah	150	100.0	150	100.0

Perubahan Hidup				
Ya	89	59.3	39	26.0
Tidak	61	40.7	111	74.0
Jumlah	150	100.0	150	100.0

Pendedahan Responden terhadap Kursus

Dapatan kajian menunjukkan seramai 86 orang (57.3 peratus) responden Malaysia menyatakan mereka pernah didedahkan dengan pelbagai kursus berkaitan peningkatan kemahiran kerja bagi meningkatkan taraf hidup. Namun masih ramai iaitu 64 orang (42.7 peratus) yang tidak pernah mendapat pendedahan kursus-kursus yang disediakan. Mereka juga iaitu 110 orang (73.3 peratus) menyifatkan hidup telah banyak berubah selepas menghadiri kursus-kursus yang disediakan berbanding 40 orang (26.7 peratus) yang masih belum merasai sebarang perubahan hidup selepas menghadiri kursus. Berdasarkan dapatan ini, kursus memainkan peranan besar untuk mengubah kehidupan responden.

Bagi responden Indonesia, seramai 28 orang (18.7 peratus) menyatakan mereka pernah didedahkan dengan pelbagai kursus berkaitan peningkatan kemahiran kerja bagi meningkatkan taraf hidup. Namun majoriti iaitu 122 orang (81.3 peratus) tidak pernah mendapat pendedahan kursus-kursus yang disediakan. Sebanyak 111 orang (74 peratus) menyifatkan hidup mereka tidak banyak berubah selepas menghadiri kursus-kursus yang disediakan berbanding 39 orang (26 peratus) yang dapat merasai terdapat perubahan hidup selepas menghadiri kursus. Berdasarkan dapatan ini, kesedaran terhadap kebaikan kursus tidak diberi perhatian oleh responden.

JADUAL 9. Pendedahan terhadap kursus

Pendedahan Kursus	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Ya	86	57.3	28	18.7
Tidak	64	42.7	122	81.3
Jumlah	150	100.0	150	100.0

Perubahan Selepas Kursus				
Ya	110	73.3	39	26.0
Tidak	40	26.7	111	74.0
Jumlah	150	100.0	150	100.0

Kepentingan Kursus dan Perniagaan untuk Meningkatkan Taraf Hidup Responden

Soal selidik yang dijalankan menunjukkan bahawa seramai 115 orang (76.7 peratus) responden Malaysia mengakui bahawa kursus dan perniagaan yang mereka lakukan telah dapat meningkatkan taraf hidup berbanding hanya 35 orang (23.3 peratus) yang tidak melihat peranan penting kursus dan perniagaan untuk membaiki taraf hidup mereka. Manakala bagi

responden Indonesia, dapatan menunjukkan hanya 62 orang (41.3 peratus) mengakui bahawa kursus dan perniagaan yang mereka lakukan telah dapat meningkatkan taraf hidup berbanding 88 orang (58.7 peratus) yang tidak melihat peranan penting kursus dan perniagaan untuk membaiki taraf hidup mereka. Dapatan terhadap kepentingan kursus dan perniagaan bagi membaiki taraf hidup responden ditunjukkan dalam jadual berikut.

JADUAL 10. Kursus dan berniaga penting untuk tingkat taraf hidup

Kepentingan Kursus dan Berniaga untuk Tingkat Taraf Hidup	Malaysia		Indonesia	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Ya	115	76.7	62	41.3
Tidak	35	23.3	88	58.7
Jumlah	150	100.0	150	100.0

PERBINCANGAN

Malaysia dan Indonesia menggunakan pendekatan dasar sosial yang sama tetapi pelaksanaannya berbeza. Pendekatan yang terdapat dalam dasar sosial iaitu derma sosial, institusi, agihan semula, kritikal dan pembangunan sosial menjadi pilihan untuk penyampaian dasar sosial kepada komuniti namun terdapat kombinasi pendekatan yang diguna pakai. Kedua-dua negara telah mengguna pakai pendekatan agihan kebajikan semula iaitu saluran keperluan sosial individu dan keluarga dipenuhi melalui pekerjaan, menggabungkan modal manusia dan modal ekonomi serta mengintegrasikan kebajikan sosial dengan komuniti untuk memenuhi keperluan hidup. Namun begitu, dalam pelaksanaan pendekatan-pendekatan ini, kedua-dua buah negara sedang melaksanakan model pembangunan sosial yang memberi tumpuan kepada pelaburan sosial dan pelaburan ekonomi. Pelaburan sosial ialah pelaburan yang dapat memberi pulangan ekonomi manakala pelaburan ekonomi ialah pertumbuhan ekonomi memberi impak kepada kesejahteraan hidup seterusnya mewujudkan kolaborasi sosioekonomi. Kedua-dua kerajaan Malaysia dan Indonesia telah membentuk organisasi di peringkat tertinggi dengan matlamat meningkatkan kebajikan masyarakat melalui penyertaan dalam aktiviti ekonomi yang aktif. Hal ini ditunjukkan dengan kenyataan bahawa kerajaan yang menggerakkan komuniti setempat melalui pelbagai agensi.

Peranan kursus yang dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan membantu mereka mengubah persepsi terhadap kehidupan seperti peningkatan taraf hidup dan kesedaran terhadap pendidikan anak-anak. Oleh kerana pembangunan sosial menjadikan insan sebagai fokus perubahan, kajian ini mendapati kumpulan sasar telah mendapat pendidikan formal malah sehingga ke universiti. Disebabkan mempunyai tahap pendidikan yang baik, mereka dapat melakukan pekerjaan sebagai usahawan yang sanggup berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Impak terhadap pemikiran ialah mereka melihat aktiviti persatuan sebagai penting dan perlu diikuti. Program kursus dalam jangka masa pendek dan panjang memberi input baru kepada responden untuk membina persepsi positif terhadap kehidupan yang dilalui. Walaupun responden di Malaysia memberi reaksi positif kepada kursus-kursus yang dianjurkan, keadaannya berbeza dengan responden di Indonesia. Mereka didapati kurang memberi perhatian kepada menghadirkan diri dalam kursus-kursus yang dianjurkan kerana pelbagai sebab seperti membuang masa atau merasai bekerja adalah penting daripada berkursus.

KESIMPULAN

Rumusan terhadap implementasi dasar sosial di Malaysia dan Indonesia ialah peranan kerajaan dalam menjayakan dasar ini sangat dominan di Malaysia manakala di Indonesia, peranan kerajaan kurang ketara. Peranan NGO dan swasta pula kurang menonjol di Malaysia berbanding Indonesia kerana faktor populasi yang lebih ramai di Indonesia. Sementara itu, komuniti menjadi ejen penting dalam menjayakan program-program pembangunan sosial di Indonesia sebaliknya kerajaan Malaysia telah mengambil tanggungjawab besar untuk melaksanakan program-program pembangunan sosial dalam masyarakat melalui pelbagai agensi dan jabatan kerajaan.

Dasar sosial yang berkesan mampu mengembangkan dan meningkatkan kemampuan dan keupayaan individu, keluarga, masyarakat dan negara dalam konteks pembangunan sosial, mencegah berlakunya masalah social, memulihkan mangsa akibat pergolakan sosial dan memberi perkhidmatan sokongan kepada pertumbuhan bukan kerajaan atau sukarela bagi mencapai kesejahteraan hidup. Konsep kebajikan masyarakat yang bersifat tradisional wajar diubah kepada memperkasa kelompok sasar melalui perkhidmatan latihan, program kemahiran dan pembinaan jati diri melalui

aktiviti ekonomi yang dapat menjana pendapatan sendiri. Pelaksanaan tanggungjawab seperti ini dapat meringankan beban yang ditanggung oleh pelbagai agensi dan institusi seterusnya mewujudkan masyarakat berdikari di semua peringkat masyarakat.

Pelaksanaan dasar sosial pada masa depan wajar mengambil kira kemungkinan-kemungkinan ketidakseimbangan dalam banyak aspek yang menjejaskan pembahagian sosial dalam komuniti. Justeru, sementara memberi ruang kepada mencari kesan-kesan ke atas individu dan keluarga, adalah wajar melihat kepada konteks dasar yang lebih luas dan bagaimana kerajaan memberi respons kepada isu-isu ini. Peranan media dan kumpulan pendesak mungkin boleh dipertimbangkan.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2003. *Pembangunan dan Kesejahteraan: Agenda Kemanusiaan Abad Ke-21*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Badan Pusat Statistik Indonesia. 2010. Profil kemiskinan di Indonesia maret 2010. *Berita Resmi Statistik* No. 45/07/ Th. XIII, 1 Juli.
- Chatterjee dan Vadapalli. 2009. The impact of social policy. In *Handbook of Social Policy* by Midgley, J. and Livermore, M. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Drabble, J. H. 2000. *An Economic History of Malaysia*. Houndmills, Basingstoke, Hampshire: Macmillan Press Ltd.
- Haq, M. 1995. *Reflections on Human Development*. Oxford, UK: Oxford University Press.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010. Laporan Am Banci Penduduk, 2000. Putrajaya: Jabatan Perangkaan.
- Human Development Report, UNDP 2013.
- Midgley, J. 2012. Social Protection and Social Policy: Key Issues and Debates. *Journal of Policy Practice*. 11 (1/2): 8-24.
- Midgley, J. 1997. *Social Welfare in Global Context*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Midgley, J. and Livermore, M. 2009. *Handbook of Social Policy*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. 2013. *Report on the World Social Situation, 2010*. United Nation: New York.
- Robert, W. F. 2004. *High Performing Asian Economies. NBER Working Paper Series*, Working Paper 10752. Cambridge, MA, USA: National Bureau of Economic Research. <http://www.nber.org/papers/w10752>.
- Sarwono, S. 2003. Family planning in Indonesia under the Old Order. Dlm. *Two is Enough: Family Planning in Indonesia under the New Order 1968-1998*, disunting oleh, Niehof, A. and Firman Lubis, 19-30. Leiden, the Netherlands: KITLV Press.
- Sugandi, Y. S. 2007. Urban Poverty Alleviation Program: Indonesia's Experienced. Paper presented at the 8th Asia Pacific Sociological Association Conference, Penang, Malaysia, 21 November, 2007.
- Wie, Thee Kian. 2002. The Soeharto era and after: Stability, development and crisis, 1966-2000." Dlm. *The Emergence of a National Economy: An Economic History of Indonesia, 1800-2000*, disunting oleh Milner, A. et al., 194-244. NSW, Australia: Allen & Unwin.
- Wood, R. S. 2005. Strategies of Development: Indonesia and Malaysia 1960 – present. SAIS I-Dev Integrating Seminar. Diakses dari <http://therandymon.com/papers/indo-malay.pdf>.
- Zainal Kling. 2005. Islam Hadhari dan Pembangunan Sosial: Nilai dan Modernisasi. *ISM Minda* 3(6). Kuala Lumpur: Institut Sosial Malaysia.

Mohamad Zahir Zainudin,
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
E-mail: mzahir@utem.edu.my

Roziah Omar
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pendidikan Malaysia
E-mail: roziah.omar@moe.gov.my

Mohd Fauzi Kamarudin
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
E-mail: mohdfauzi@utem.edu.my